

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah perancangan Kementerian mengenai naik taraf atau gantian penuh klinik Tun Abang Haji Openg Simpang Bekenu dan Klinik Ladang 3 yang kini dalam keadaan daif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Klinik Kesihatan Tun Abang Haji Openg merupakan Klinik Kesihatan jenis 5 yang beroperasi sejak tahun 1972 dan memberikan perkhidmatan kepada lebih 11,130 orang di lokaliti tersebut. Perkhidmatan yang disediakan termasuk Jabatan Pesakit Luar, Kesihatan Ibu dan Anak, Perkhidmatan Farmasi dan juga makmal perubatan. Jumlah kehadiran pesakit untuk mendapatkan rawatan di KK Tun Abang Haji Openg adalah sebanyak 116 pesakit sehari.

2. KKM sedia maklum akan keadaan fasiliti yang memerlukan penambahbaikan. Oleh yang demikian, pada tahun 2019, KKM telah menambah baik kemudahan sedia ada seperti mewujudkan fasiliti makmal di dalam klinik dan membuat pendawaian semula bangunan

klirik. Manakala pada tahun 2017 dan 2016, **kerja-kerja menukar lantai, tingkap, jaring kuarters dan mengecat keseluruhan bangunan klinik telah dilaksanakan**.

3. Klinik Kesihatan Ladang Tiga pula merupakan KK jenis 6 yang telah beroperasi sejak tahun 1977. Ia memberi khidmat kepada 6,082 penduduk sekitar. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah termasuk Jabatan Pesakit Luar, Kesihatan Ibu dan Anak, Perkhidmatan Farmasi dan juga makmal perubatan. Jumlah pesakit yang hadir untuk mendapatkan rawatan adalah sekitar 65 orang sehari.

4. **Kerja-kerja pembaikan seperti mewujudkan makmal dan pendawaian bangunan klinik** juga telah dilaksanakan di KK Ladang Tiga. Selain itu, KKM juga mempunyai perancangan untuk **menambahbaik ruang Jabatan Pesakit Luar termasuk ruang menunggu pesakit di KK Ladang Tiga**.

5. Dengan kerja-kerja yang telah dilaksanakan dan juga dalam perancangan, KKM berpandangan kedua-dua fasiliti sedia ada ini masih dapat menampung keperluan setempat.

6. KKM sememangnya sentiasa memantau keadaan semua fasiliti kesihatan bagi memastikan ia selamat dan dapat berfungsi dengan baik. Pasukan teknikal daripada Pejabat Kesihatan yang terdiri daripada jurutera dan penolong jurutera akan membuat pemeriksaan di setiap klinik kesihatan sekurang-kurangnya sekali setahun. Pemantauan ini akan terus dilakukan bagi memastikan klinik kesihatan dalam keadaan yang selamat dan selesa.

Sekian, terima kasih.